

# UPM Perkasa Budaya Kerja Selamat dan Sihat Sempena Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MKKP) 2025

Oleh: Nurin Amyra Amir Ahmad, Wartawan Pelatih Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK),  
UPM

Foto Oleh: MD Nasir Hussin



SERDANG, 27 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) hari ini telah menganjurkan Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2025 (MKKP).

Bertemakan “Pendigitalan dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,” sambutan ini bertujuan memperkuat budaya kerja selamat dan sihat di kalangan warga kampus, sejajar dengan perkembangan teknologi terkini serta cabaran pengurusan risiko dalam era moden.

Pengarah PPKKP, Prof. Madya Dr. Ng Yee Guan, menjelaskan bahawa pendekatan pada tahun ini memberi fokus kepada perubahan sikap dalam pengurusan risiko pekerjaan.



"Kami mahu bergerak daripada amalan pematuhan semata-mata kepada pengurusan sendiri yang berasaskan tanggungjawab, inovasi, dan kesedaran," ujarinya.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Dato' Profesor Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, sambutan MKKP merupakan platform penting untuk memperkukuh budaya kerja selamat dan sihat dalam kalangan warga universiti.





"Inisiatif seperti ini bukan sekadar simbolik, tetapi menjadi *enabler* kepada usaha berterusan kita memastikan kesejahteraan tempat kerja. Kita juga perlu ada elemen *affective*, agar mesej keselamatan benar-benar dihayati dan diamalkan," katanya

Antara aktiviti utama yang dijalankan sepanjang sambutan MKKP 2025 ialah latihan keselamatan kebakaran dan pertolongan cemas, pertandingan OSH Race, program derma darah, saringan kesihatan, serta pameran daripada pelbagai agensi berkaitan keselamatan pekerjaan.